

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PERJUMPAAN DAN APRESIASI STAF
BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI

11 OGOS 2025 | ISNIN | 9.00 PAGI
DEWAN ANGGERIK SARI
PLAZA SATELIT B
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Ts. Zainol Asri Abdil Sani @ Salleh

Pengarah Bahagian Pengurusan Fasiliti

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Ketua Unit, dan semua staf Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana dan Kampus Sungai Buloh sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Pertama sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada majlis hari ini.
2. Majlis ini bukan sekadar pertemuan, tetapi manifestasi penghargaan universiti kepada warga Bahagian Pengurusan Fasiliti yang menjadi tulang belakang kelancaran operasi kampus.
3. Saya hadir di sini bukan semata-mata sebagai Rektor UCS, tetapi sebagai wakil warga UCS yang telah merasai sendiri impak positif hasil dedikasi dan profesionalisme tuan-tuan dan puan-puan.

4. Saya yakin kecemerlangan akademik dan penyelidikan amat penting bagi sesebuah universiti, namun saya juga percaya tanpa persekitaran kondusif dan sistem sokongan yang efisien, kecemerlangan itu sukar dicapai.
5. Justeru, syabas dan tahniah saya ucapkan atas usaha tuan puan dalam menguruskan penyelenggaraan fasiliti dan projek di UCS dengan komitmen tinggi serta kualiti perkhidmatan yang membanggakan dalam memastikan kelancaran operasi di UCS.
6. Saya percaya pencapaian tuan puan hari ini tidak datang dengan mudah, kerana pelbagai rintangan dan kekangan, khususnya faktor kewangan, telah dihadapi. Namun, saya yakin dengan kebolehan dan kepakaran tuan puan, setiap kesukaran tetap diatasi

dengan komitmen melaksanakan tugas sebaik mungkin.

7. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Fasiliti, khususnya atas projek-projek menggunakan peruntukan KPT yang saya percaya telah disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

8. Malah, maklum balas daripada mesyuarat pengurusan tertinggi UiTM turut mengesahkan kemajuan projek kita selari dengan perancangan.

Hadirin sekalian,

9. Saya menghargai semangat kerja yang ditunjukkan, khususnya dalam situasi mencabar dan kecemasan. Respons pantas, penyelesaian yang praktikal, dan komitmen yang konsisten membuktikan pasukan

pengurusan fasiliti kita melaksanakan tugas dengan cekap dan berintegriti.

10. Sokongan, latihan, dan pengiktirafan yang sewajarnya akan sentiasa menjadi keutamaan pihak pengurusan kepada warga Bahagian Pengurusan Fasiliti.

Bunga mekar indah berseri,
Disiram rapi setiap hari,
Kampus terus aman dihuni,
Jasa tuan puan amat dihargai.

11. Akhir kata, sekali lagi syabas dan tahniah atas kecemerlangan yang telah tuan puan berikan, dan saya berharap kecemerlangan perkhidmatan ini akan terus dikekalkan.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**